

Kerjasama ASEAN penting tangani isu global – Reezal Merican

KUALA LUMPUR 4 Okt. – Kerjasama dalam kalangan negara ASEAN dan antara rantau amat penting dalam menangani sebarang isu global dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, kerjasama yang erat akan terus menjana keupayaan untuk mengenal pasti dan menangani pelbagai jenis isu yang berlaku di rantau ini.

“Walaupun terdapat beberapa isu di peringkat antarabangsa dan serantau seperti perubahan iklim, jenayah rentas sempadan, ancaman keganasan, ia tidak boleh di-

selesaikan oleh sesebuah negara secara tersendiri.

“Justeru, jaringan kerjasama yang erat dan koordinasi semua negara ASEAN adalah penting dalam usaha menangani masalah itu secara berkesan,” katanya dalam ucapan penutup Forum Meja Bulat ASEAN Mengenai Komuniti ASEAN 2015 dan Masa Hadapan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di sini hari ini.

Forum dua hari anjuran Yayasan ASEAN itu merupakan aktiviti kumpulan kajian polisi luar yang menghimpunkan peserta dari setiap negara ASEAN dan Jepun

serta melibatkan pelbagai latar belakang termasuk diplomat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta golongan pelajar.

Mengulas lanjut, Reezal Merican berkata, masyarakat ASEAN perlu menjalin hubungan kebersamaan dan semangat kekitaan yang kukuh dalam mewujudkan sebuah komuniti ASEAN yang bersepadu.

“Pelbagai platform dan saluran bagi melibatkan orang ramai secara langsung atau tidak langsung adalah penting untuk memastikan kesedaran dan pemahaman mengenai manfaat dalam merealisasikan komuniti ASEAN dapat dirasai dari

peringkat akar umbi lagi,” katanya.

Meskipun banyak inisiatif dan forum, kata beliau, penglibatan orang ramai dalam ASEAN juga harus dipergiatkan.

Selain itu, menurut Reezal Merican, komuniti ASEAN perlu memberi perhatian kepada golongan muda.

“Golongan ini merupakan aset penting yang akan mendapat manfaat daripada komuniti ASEAN. Sudah tentu, masyarakat ASEAN akan menawarkan lebih banyak prospek dalam bidang pendidikan, perniagaan dan peluang pekerjaan untuk mereka,” katanya.